



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**(Human Resources Development Council)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 3/2001**

**SKIM LATIHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI UNTUK  
PEKERJA MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

**1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada majikan bahawa Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah melaksanakan Skim Latihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Untuk Pekerja berkuatkuasa 23 Februari 2001.
  
- 1.2 Objektif Skim Latihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk Pekerja (Workers' ICT Training Scheme - WITS) ialah untuk menggalakkan literasi komputer di kalangan para pekerja daripada majikan yang berdaftar dibawah Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992. Usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai "K-Worker".

**2. KUMPULAN SASARAN**

Skim latihan ini dibuka kepada semua pekerja di kalangan majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

**3. SYARAT DAN PROSEDUR PERLAKSANAAN**

- 3.1 Dibawah Skim Latihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk Pekerja, yuran latihan ditaja sepenuhnya oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Majikan tidak perlu membuat sebarang pembayaran kepada penyedia latihan. Pembayaran yuran latihan akan dibuat oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia kepada penyedia latihan berasaskan tuntutan. Majikan juga tidak boleh menuntut lain-lain kos yang dibenarkan daripada pihak MPSM.
  
- 3.2 Setiap pekerja hanya layak memohon satu kursus sahaja.
  
- 3.3 Semua syarat dan prosedur bagi pelaksanaan Skim Latihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk Pekerja adalah seperti dalam buku panduan skim tersebut yang disertakan bersama-sama pekeliling ini.

4. **PENUTUP**

4.1 Majlis Pembangunan Sumber Manusia berharap supaya pekerja dapat menggunakan dengan sepenuhnya skim ini demi untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran mereka dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

4.2 **Pekeliling Majikan Bil. 3/2001 berkuatkuasa mulai 23 Februari 2001.**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"LATIHAN BERTERUSAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN"  
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(SHAHRIL B. HASSAN)**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Sumber Latihan  
b.p. Ketua Pengarah  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia